



INSTITUTE FOR  
YOUTH RESEARCH  
MALAYSIA

# KAJIAN PENILAIAN PEMBANGUNAN BELIA POSITIF 8C PROGRAM MALAYSIA FUTURE LEADERS SCHOOL (MFLS) TIER 3 TAHUN 2023

## PENGENALAN

Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) melalui Kluster Kepimpinan telah merangka program MFLS ini secara holistik dengan menggabungkan beberapa aktiviti berimpak tinggi yang menerapkan tujuh elemen utama iaitu kepimpinan, komunikasi, karakter, kenegaraan, keusahawanan, kesukarelawan dan pengantarabangsaan bagi menyerlahkan potensi peserta sebagai rakan strategik dalam membangunkan negara. Lapan domain yang digunakan sebagai penilaian dalam kajian ini adalah *Contribution, Caring, Confidence, Cooperation, Character, Competitive, Consideration dan Competent*.

## OBJEKTIF KAJIAN

**01** Mengukur pencapaian pembangunan belia positif 8C dalam kalangan peserta MFLS Tier 3 secara keseluruhan;

**02** Mengukur pencapaian pembangunan belia positif 8C dalam kalangan peserta MFLS Tier 3 berdasarkan profil demografi; dan


**03** Mengemukakan syor dan way forward berkaitan pembangunan belia positif dalam kalangan peserta MFLS Tier 3 dan program MFLS secara keseluruhannya.

## METODOLOGI KAJIAN

**1** Reka bentuk kajian - Dilaksanakan secara kuantitatif dan kualitatif melibatkan pengedaran borang soal selidik secara atas talian semasa pra dan pasca penilaian serta pelaksanaan sesi Focus Group Discussion (FGD).

**2** Persampelan kajian - Seramai 150 responden peserta MFLS Tier 3 yang berumur 18 tahun disasarkan terlibat dalam pelaksanaan kuantitatif dan 20 informan bagi sesi Focus Group Discussion (FGD).

**3** Pengumpulan data - Menggunakan soal selidik melalui sistem kaji selidik iGREAT dan sesi Focus Group Discussion (FGD).



**SKOR : 82.42 | SANGAT MEMUASKAN**



## DAPATAN KAJIAN

Skor kajian ini meningkat berbanding tahun 2022 dengan peningkatan sebanyak 5.35.

Domain *Contribution, Caring, Confidence, Cooperation dan Character* berada di tahap Sangat Memuaskan, domain *Competitive dan Consideration* di tahap Memuaskan manakala domain *Competent* di tahap Sederhana.

Hanya tiga indikator yang mengalami penurunan iaitu *Academic Competent, Physical Competent dan Beliefs About Future*.

Isu utama kepimpinan belia masa kini ialah sosial, politik dan pendidikan. Masalah sosial yang berlaku dalam kalangan belia terutamanya dadah dan alkohol menyebabkan belia terpinggir/berisiko ini menganggap mereka tidak diterima oleh komuniti setempat. Isu keciciran pelajaran juga menjadi permasalahan selain laluan kerjaya yang tidak jelas. Belia mencadangkan agar laluan kerjaya ini seharusnya diterap lebih awal semenjak peringkat sekolah rendah atau menengah bagi melancarkan laluan pengajian tertuari.

Antara strategi kepimpinan belia yang dicadangkan ialah melalui pendedahan kepimpinan negara sejak sekolah rendah dan meletakkan kepercayaan kepada belia untuk mengetuai tampuk kepimpinan di peringkat nasional.

